

10/09/1997

Malaysia, Mongolia jalin kerjasama

Zam Zam Omar in Ulan Bator

ULAN BATOR, Selasa - Malaysia yakin hubungan dua hala diplomatik dan ekonomi dengan Mongolia dapat ditingkatkan berdasarkan minat yang ditunjukkan negara bekas komunis berkenaan, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, walaupun di peringkat awal lawatan, sukar untuk melihat bentuk dan potensi kerjasama yang boleh diperolehi, Malaysia kini dapat melihat kerjasama dengan negara ini mampu dimanfaatkan kedua-dua pihak.

Bercakap kepada pemberita di sini, Abdullah berkata, hasil pertemuan di antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Mongolia, M Enkhsaikhan, pagi ini, kedua-dua pihak yakin hubungan dua negara, khususnya di bidang ekonomi dapat ditingkatkan.

Menurutnya, dalam pertemuan itu juga, Mongolia berharap mendapat peluang meraih pengalaman Malaysia antaranya bercadang menghantar pegawai negara ini menjalani latihan di Malaysia termasuk di bidang elektronik, geologi dan perlombongan.

Dalam hubungan ini, kata Abdullah, Dr Mahathir bersedia menerima pelatih dari Mongolia menjalani latihan di Malaysia mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

"Kedua-dua pihak juga bersetuju diadakan kajian kesesuaian bagi membina pelabuhan darat di Mongolia dalam usaha memanfaatkan dua pasaran besar iaitu China dan Russia, yang kita melihat potensi Mongolia sebagai rakan dagang dengan memanfaatkan kedudukannya dekat dengan dua negara besar itu.

"Dalam pertemuan dengan Enkhsaikhan juga, Dr Mahathir memberitahu rakan sejawatnya berhubung pembinaan rangkaian laluan kereta api Trans-Asia yang turut menyediakan kemudahan pengangkutan dalam usaha meningkatkan hubungan dagang di antara kedua-dua negara," katanya.

Selain itu kata Abdullah, Malaysia turut menawarkan kredit AS 5 juta kepada Mongolia di bawah program Perjanjian Pembelian Minyak Sawit. Bagaimanapun, Mongolia mengalu-alukan tawaran itu tetapi belum membuat keputusan.

Menurut Abdullah, Malaysia membuat tawaran itu dalam usahanya memperkenalkan minyak sawit kepada Mongolia yang pada masa ini, lebih banyak menggunakan lemak berasaskan haiwan.

Selain itu, Mongolia menyatakan hasratnya menyertai Forum Serantau Asean (ARF) dalam usahanya mendekatkan negara ini dengan Asean. Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan menyampaikan hasrat itu kepada Asean.

Perdana Menteri Mongolia itu juga mahukan Malaysia mewujudkan pejabat kedutaannya di sini, bagaimanapun, menurut Dr Mahathir, Malaysia memang berhasrat ke arah itu, tetapi tidak boleh dilakukan sekarang kerana kekurangan kakitangan.

Pada masa ini, Kedutaan Malaysia di Seoul bertanggungjawab menguruskan soal hubungan diplomatik kedua-dua negara, sementara Kedutaan Mongolia di Hanoi, menguruskan soal diplomatik negaranya dengan Malaysia.

Sementara itu, dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Pengerusi Great Hural (Parlimen Mongolia), R Gonchigdorj, Perdana Menteri menerangkan sistem politik demokratik yang diamalkan di Malaysia.

(END)